

27/01/2000

Perdana Menteri sihat

KOTA KINABALU, Rabu - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang bercuti di luar negara sekarang, berada dalam keadaan sihat.

Sambil menafikan khabar angin Dr Mahathir sakit teruk, Timbalan Perdana Menteri berkata ia sengaja disebarkan golongan nakal yang tidak patriotik.

Beliau berkata tindakan itu jelas menunjukkan sikap tidak sayangkan negara dan sengaja diadakan-adakan semata-mata untuk mencapai impian politik sempit golongan berkenaan.

Ini adalah perbuatan terkutuk, kerana mereka sanggup melakukan sesuatu yang boleh menjejaskan ekonomi dan pasaran saham negara.

Malah, baru-baru ini mereka adakan demonstrasi yang juga menimbulkan masalah di kalangan rakyat, katanya.

Beliau mengulas khabar angin yang tersebar luas di seluruh negara sekarang, kononnya Dr Mahathir terjatuh daripada kuda ketika bercuti sehingga beliau sakit teruk.

Khabar angin itu juga dikatakan antara faktor menyebabkan indeks komposit di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) mengalami sedikit penurunan sejak beberapa hari lalu.

Bercakap kepada pemberita selepas menghadiri majlis jamuan hari raya Badan Perhubungan Umno Sabah di sini, malam ini, Abdullah berkata sekiranya sesuatu berlaku kepada Perdana Menteri, beliau adalah orang pertama yang akan mengetahui mengenainya.

Menurutnya, Dr Mahathir sekarang berada dalam keadaan sihat dan dijangka pulang ke tanah air lebih awal daripada tempoh percutiannya.

Sehubungan itu, beliau berharap rakyat yang cintakan negara tidak mudah terpengaruh dengan khabar angin sedemikian, sebaliknya memahami kedudukan sebenar perkara itu.

Ditanya sama ada Dr Mahathir tahu tentang perkara itu, beliau berkata: Saya tidak tahu sama ada beliau sudah tahu atau ambil tahu dan bagaimana reaksinya, tetapi khabar angin ini sudah tersebar luas ke seluruh negara.

Saya juga tidak bercakap dengan Dr Mahathir kerana beliau masih dalam percutian, tetapi kalau ada sesuatu, sepatutnya sayalah orang pertama akan tahu tentang perkara ini.

(END)